PERBADANAN ASET KERETAPI RAILS

APRIL - OGOS 2025

SEREMBAN SENTRAL : BAKAL MENJADI PEMANGKIN & PERUBAHAN BANDAR RAYA SEREMBAN

RAC telah melakar sejarah baharu pada 8 Mei 2025 apabila pemeteraian perjanjian pembangunan bersama dengan Kumpulan Sunway bagi projek Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) Seremban Sentral berjaya disempunakan. Majlis bersejarah tersebut telah disaksikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan.

Majlis menandatangani perjanjian ini telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif Sunway Property, Encik Chong Sau Min. Turut hadir menyaksikan perjanjian ini ialah Pengasas & Pengerusi Kumpulan Sunway, YBhg. Tan Sri Sir Dr. Jeffrey Cheah, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan & Pengangkutan, YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Kesenian & Kebudayaan, YB Puan Nicole Tan Lee Koon serta Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan.





Dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM2 bilion, Seremban Sentral bakal menampilkan pembangunan menyeluruh yang merangkumi kediaman pelbagai segmen, pusat perniagaan, pusat perubatan, institusi pendidikan, ruang komersial, kemudahan awam dan sosial, kawasan hijau serta jaringan laluan pejalan kaki dan pengangkutan awam yang mesra pengguna.

Fasa pertama projek dijadualkan bermula dalam tempoh enam (6) bulan selepas pemeteraian perjanjian ini, melibatkan pembangunan pusat perubatan dan komponen Seremban Yard. Keseluruhan pembangunan dijangka siap dalam tempoh 14 tahun, menjadikan Seremban Sentral sebagai hab transit moden yang akan memacu pertumbuhan sosioekonomi bandar ini.

LALUAN KARGO KEMPAS BARU – PASIR GUDANG KEMBALI BEROPERASI

Satu lagi pencapaian penting dalam sektor logistik negara direalisasikan apabila laluan Kempas Baru – Pasir Gudang dibuka semula untuk operasi perkhidmatan kereta api kargo. Majlis pembukaan semual laluan ini telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook di Terminal KTM Pasir Gudang yang turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan dan Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad.

Dengan pembukaan semula laluan ini, kini berupaya meningkatkan kekerapan perkhidmatan kargo daripada dua (2) kepada enam (6) trip sehari, sekali gus melonjakkan kapasiti pengendalian kontena daripada 140 TEUs kepada 420 TEUs sehari.

Langkah ini bukan sahaja memperkukuh keupayaan sistem rel sebagai mod pengangkutan kargo yang cekap, selamat dan mampan, malah menyokong usaha negara dalam mempertingkatkan kecekapan logistik dan mengurangkan pelepasan karbon melalui pengangkutan berasaskan rel.



RAILS

PERBADANAN ASET KERETAPI

APRIL - OGOS 2025

KERJASAMA STRATEGIK RAC - YTL UNTUK MASA DEPAN DIGITAL

Majlis Apresiasi dan Hari Terbuka RAC 2025 yang berlangsung pada 18 April lalu telah menyaksikan detik penting apabila RAC menyerahkan Surat Setuju Terima kepada YTL Communications Sdn. Bhd. yang merupakan pihak yang berjaya dalam proses Request for Proposal (RFP) bagi Pembangunan Rangkaian Fiber Optik di sepanjang jajaran kereta api milik RAC.

Sesi penyerahan dokumen tersebut yang disaksikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook dan Menteri Komunikasi, YB Datuk Fahmi Fadzil dan telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif YTL Communications Sdn. Bhd, YBrs. En. Wing K. Lee.

IProjek ini adalah sebahagian daripada usaha strategik yang telah dirintis oleh RAC sejak tahun 2023 dengan objektif memperkukuh infrastruktur komunikasi negara. Melalui pembangunan rangkaian fiber optik ini, aset rel negara bukan sahaja berfungsi sebagai laluan pengangkutan, malah menjadi pemangkin kepada capaian internet berkelajuan tinggi di seluruh negara.





345 PETAK PARKIR MOTOSIKAL BERBUMBUNG DI EMPAT STESEN KERETA API ZON UTARA SIAP

RAC telah menerima dokumen penyerahan siap projek daripada Cawangan Kerja Infrastruktur Pengangkutan (JKR CKIP) bagi projek pembinaan dan penyiapan tempat letak motosikal berbumbung di empat (4) stesen iaitu Stesen Keretapi Arau, Anak Bukit, Alor Setar dan Kobah.

Kerja-kerja penurapan premix, konkrit serta pemasangan sistem elektrikal ini telah berjaya disiapkan dengan jayanya dan merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan dalam usaha mempertingkatkan kemudahan infrastruktur stesen-stesen kereta api di utara.

Sebanyak 345 petak parkir disediakan secara keseluruhan melalui projek ini yang menelan kos sebanyak RM1.3 juta. Kemudahan ini dijangka dapat memberi keselesaan kepada para penunggang motosikal yang menjadikan perkhidmatan rel sebagai pilihan pengangkutan harian.









RAC TERIMA SIJIL KECEMERLANGAN AUDIT PENDAPAT TANPA TEGURAN

RAC terus menunjukkan kecemerlangan dalam tadbir urus kewangan apabila menerima Sijil Kecemerlangan atas pencapaian memperoleh Pendapat Audit Tanpa Teguran (Hal-hal Lain) daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 pada 22 April 2025 .

Pengiktirafan ini telah disampaikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook kepada Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad dalam majlis Perhimpunan Bulanan April dan Majlis Raikan Kasih Madani Kementerian Pengangkutan yang diadakan pada 22 April 2025.

Majlis yang dianjurkan dengan kerjasama rakan strategik seperti JPJ, JLM, CAAM, APAD, RAC, MIROS, MRT, MRL, PRASARANA, LPB dan KTMB turut dimeriahkan dengan pembukaan reruai hidangan istimewa serta Sesi Penyampaian Duit Raya Aidilfitri kepada 28 orang anak-anak Taska MOT oleh YB Menteri.





“RAC COMMERCIAL DAY” BUKA RUANG KERJASAMA STRATEGIK SEKTOR PERNIAGAAN

“RAC Commercial Day” membuka tirai baharu dalam usaha RAC mengoptimumkan aset rel sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara. Program ini yang diadakan pada 20 Jun 2025 di Sentral RAC menunjukkan komitmen Perbadanan ini untuk memanfaatkan aset seperti tanah, bangunan dan kawasan sekitar landasan sebagai lokasi strategik bagi perniagaan seperti kedai runcit, iklan, pajakan tanah, stesen pengecas EV dan kemudahan digital.

Aset kereta api kini dilihat lebih daripada sekadar kemudahan pengangkutan, tetapi juga berpotensi besar untuk dikembangkan kepada pelbagai peluang perniagaan yang memberi manfaat kepada orang ramai dan negara.

Beberapa jenama terkenal seperti Kenangan Coffee, AEON, Alpro Pharmacy, Dunkin’ Donuts dan Tourism Malaysia turut hadir bagi meneroka potensi kerjasama dengan RAC. Kehadiran jenama-jenama utama ini membuktikan keyakinan pihak industri terhadap keupayaan aset rel untuk menjadi sebahagian daripada ekosistem perniagaan yang berdaya saing.

APRIL - OGOS 2025

RAILS





WARISAN IKONIK KEMBALI BERSERI: STESEN KUALA LUMPUR






RAC kini memulakan usaha pemuliharaan Stesen Keretapi Kuala Lumpur, bangunan ikonik yang telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan sejak 1983.

Usaha ini merupakan antara projek dilaksanakan di bawah Program Transformasi Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur (KLCCD), inisiatif strategik Kerajaan dan DBKL dengan kerjasama Think City serta agensi-agensi berkaitan bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai daerah kreatif yang dinamik, inklusif dan mampan.

Pemuliharaan ini dilaksanakan mengikut Tatacara Kerja Warisan JWN di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Walaupun stesen terus beroperasi setiap hari, usaha ini penting untuk memastikan khazanah warisan rel negara kekal terpelihara untuk generasi akan datang, seiring aspirasi KLCCD dan Program Transformasi Warisan KL menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

Fasa 1 projek ini kini giat dilaksanakan dan dijangka siap dalam tempoh 12 bulan. Skop kerja meliputi:

- pemulihan dan mengecat semula dinding fasad bangunan
- pembaikan soffit dan hujung bumbung chatri
- kerja-kerja pembaikan luaran, serta
- pembaikan laluan terowong bawah tanah (underpass).

Lawatan kerja turut dilaksanakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC YBhg. Dato' Azhar Ahmad pada 5 Ogos 2025 bertujuan untuk tinjauan kerja-kerja pembaikan ini serta memastikan kemajuan projek selaras dengan jadual dan piawaian.

Seterusnya, sesi Walkabout bersama para pemegang taruh telah diadakan pada 9 Ogos 2025 yang dihadiri Menteri Kewangan II, Menteri Wilayah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Setiausaha MOT serta Datuk Bandar Kuala Lumpur.






RAILS

APRIL - OGOS 2025







KUNJUNGAN ADUN MENGKIBOL BINCANG PESTA REL KLUANG 2025

RAC menerima kunjungan daripada YB Chew Chong Sin, ADUN Mengkibol dan delegasi bagi membincangkan perancangan Pesta Rel Kluang 2025 yang bakal berlangsung di Laman Rel Mahkota. Taman awam ini dibina di bawah viaduct landasan kereta api PLBEG-JB sebagai inisiatif CSR bersama SIPP-YTL dan Majlis Perbandaran Kluang. Perbincangan menumpukan kepada kerjasama pelbagai pihak untuk memastikan kelancaran penganjuran dan memberi manfaat kepada komuniti setempat. Pesta Rel Kluang yang dijadual pada November ini bakal menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran, seminar, bazar serta persembahan moden dan tradisional.



SESI KUNJUNGAN HORMAT KE PLUS MALAYSIA BERHAD

Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad telah mengetuai delegasi RAC dalam satu kunjungan hormat ke atas Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad, YBhg. Datuk Nik Airina Nik Jaffar di Persada PLUS pada 13 Mei 2025.

Pertemuan ini diadakan bagi membincangkan pelbagai aspek kerjasama strategik melibatkan pengurusan dan penyelenggaraan aset, pembangunan hartanah serta peluang komersial yang boleh dimanfaatkan bersama.

Kunjungan ini mencerminkan komitmen berterusan kedua-dua pihak dalam memastikan penyediaan kemudahan yang lebih selesa dan kondusif kepada para pengguna.





KURSUS TERAPI LUKISAN BANTU KAWAL EMOSI WARGA KERJA RAC





Warga kerja RAC telah menyertai "Kursus Terapi Lukisan: Manipulasi Emosi Melalui Kreativiti" yang berlangsung selama dua (2) hari dengan penganjuran oleh Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) RAC.

Sepanjang program, peserta mengikuti pelbagai aktiviti interaktif seperti sesi Mandala, Ujian DASS (Depression, Anxiety and Stress Scale), Balang Emosi, serta beberapa teknik lukisan ekspresif lain. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja memberi ruang kepada peserta mengekspresikan emosi dengan lebih bebas, tetapi juga membuka peluang untuk mereka mengenali diri sendiri, memahami emosi dalaman, dan membina kesedaran kendiri (self-awareness) yang lebih mendalam.

Program ini memperkukuh peranan AKRAB RAC sebagai rakan sokongan psikososial dalam organisasi, seiring dengan usaha membina persekitaran kerja yang lebih sihat, inklusif dan berdaya tahan.









Hari Terbuka RAC 2025 yang diadakan di Balai Raya Kampung Chedang pada 5 Julai 2025 telah mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat, sekali gus mencerminkan minat tinggi komuniti terhadap inisiatif turun padang yang dilaksanakan. Kampung Chedang dipilih sebagai lokasi penganjuran kerana statusnya sebagai Kampung Angkat RAC di bawah Program Santuni MADANI, selain turut menegaskan komitmen RAC untuk mendekati masyarakat secara lebih inklusif, khususnya komuniti yang tinggal bersebelahan atau di atas rizab kereta api.

Melalui program ini, penduduk kampung berpeluang berinteraksi terus dengan pegawai RAC untuk mendapatkan penjelasan mengenai penyewaan, status permohonan tanah, serta maklumat berkaitan penggunaan tanah kereta api. Pendekatan komunikasi bersemuka ini bukan sahaja memudahkan urusan penduduk, tetapi juga membina kefahaman yang lebih baik terhadap dasar dan tanggungjawab RAC sebagai pemegang amanah aset rel negara.

Selain itu, program turut dimeriahkan dengan saringan kesihatan percuma oleh Pejabat Kesihatan Daerah Seremban. Sambutan positif daripada penduduk membuktikan bahawa inisiatif sebegini bukan sahaja memperkukuh hubungan silaturrahim antara RAC dan masyarakat, malah membantu meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga serta memanfaatkan aset kereta api secara berhemah.







PENAMAAN "DEWAN SENTRAL RAC" & SAMBUTAN ULANG TAHUN RAC KE-33

MOT dengan kerjasama strategik dari RAC telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan Sempena Bulan Kebangsaan dan Sambutan Ulang Tahun RAC Ke-33 pada 26 Ogos 2025.

Turut diadakan adalah sesi menandatangani plak penamaan baharu Dewan Serbaguna MOT yang kini dikenali sebagai **Dewan Sentral RAC.** Majlis disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook bersama Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan, Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad serta warga MOT dan agensi berkaitan.

Dalam ucapannya, YB Menteri merakamkan penghargaan kepada RAC atas sumbangan besar dalam pembangunan *Transit Oriented Development* (TOD) dan logistik rel negara. Beliau turut memuji usaha RAC dalam melaksanakan beberaoa projek CSR termasuk pembukaan Laman Rel Mahkota di Kluang baru-baru ini yang disempurnakan oleh YDPA, Sultan Ibrahim.

Majlis turut menyaksikan penyerahan sijil ISO 9001:2015 kepada Dato' Azhar Ahmad oleh Ketua Pasukan Pengurusan Kualiti RAC, Puan Aimi Marlina Omar, sebagai simbol kejayaan warga RAC bersempena ulang tahun penubuhan ke-33.

IPOH SENTRAL – PROJEK MEGA RM6.2 BILION BAKAL UBAH WAJAH BANDAR IPOH

Projek Ipoh Sentral yang bernilai RM6.2 bilion yang dibangunkan bersebelahan Stesen Keretapi Ipoh bakal menjadi mercu tanda baharu untuk bandar Ipoh. Berkonsepkan *Transit Oriented Development* (TOD), ia akan menggabungkan pengangkutan moden, pembangunan bercampur dan kemudahan komuniti dalam satu pusat bersepadu.

Majlis Pecah Tanah Fasa 1 projek ini telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad dan Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook, disertai pimpinan utama RAC dan Ipoh Sentral Sdn. Bhd. serta pemaju projek, MRCB.

Projek dua fasa ini merangkumi pemeliharaan kawasan hijau dan pembangunan bercampur di atas tanah 60 ekar dengan tempoh siap 20 tahun. Ipoh Sentral dijangka muncul sebagai simbol transformasi bandar dan destinasi pelancongan baharu menjelang 2030.















YANG DI-PERTUAN AGONG BERKENAN MELANCARKAN ETS3 & PERASMIAN LAMAN REL MAHKOTA DI KLUANG

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan melancarkan perkhidmatan ETS3 serta merasmikan Laman Rel Mahkota yang merupakan taman awam ikonik sepanjang 2.8 kilometer di bawah jajaran Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas–Johor Bahru di Stesen Kluang.

Baginda turut memandu sendiri tren khas ETS3 dari Kuala Lumpur ke Kluang yang mengambil masa perjalanan selama 3 jam 27 minit, menandakan detik bersejarah buat sektor rel negara.

Projek Laman Rel Mahkota merupakan hasil kerjasama strategik antara RAC, Majlis Perbandaran Kluang (MPK), SIPP–YTL JV serta Think City di bawah inisiatif *Kluang Railway Heritage Urban Regeneration Programme* yang turut digariskan dalam Rancangan Tempatan MPK 2030. Menariknya, taman ini mengekalkan elemen warisan sejak 1909 seperti papan tanda lama, landasan rel dan jambatan pejalan kaki, di samping memperkenalkan teknologi moden seperti kod QR untuk menghidupkan kembali sejarah Stesen Kluang dengan cara interaktif.

Dengan kedudukan strategik di tengah bandar, Laman Rel Mahkota dijangka menjadi tarikan utama baharu untuk penduduk tempatan dan pelancong. Johor merekodkan lebih 18 juta pelancong pada 2024, dan kewujudan taman ini bakal menambah destinasi unik yang menggabungkan rekreasi, seni, warisan dan budaya.

Lebih daripada sekadar taman, Laman Rel Mahkota mengangkat kembali identiti Kluang sebagai Bandar Kereta Api sejak 1909, sekali gus menjadi taman rel moden pertama di Malaysia dan pemangkin baharu sektor pelancongan Johor.

Taman ini telah mula dibuka kepada orang ramai bermula pada 25 Ogos 2025, setiap hari dari pukul 6.00 pagi hingga 9.00 malam

rails

RAC TERIMA PENGHARGAAN SEBAGAI PENAJA ARCEO 2025





RAC tampil sebagai Penaja Kategori Perak bagi Persidangan Railway CEOs' Conference (ARCEO 2025) ASEAN ke-45 dengan sumbangan sebanyak RM105,000.00.

Sebagai tanda penghargaan, Ketua Unit Hal Ehwal Korporat RAC, Puan Ane Salfarizan Mispani telah menerima cenderamata daripada pihak penganjur semasa Majlis Hi-Tea Unity & Partnership Appreciation yang berlangsung di The Gallery, KTMB pada 26 Ogos 2025.

Persidangan ARCEO 2025 bermula pada 8 hingga 12 September 2025 dengan tema "Driving Innovation, Connecting Borders." Acara berprestij ini bakal menghimpunkan pemimpin rel ASEAN, pembuat dasar, serta pakar industri untuk berkongsi pandangan mengenai inovasi lestari, transformasi digital, dan usaha memperkukuh kesalinghubungan rentas sempadan.

ARCEO 2025 dijangka menarik penyertaan delegasi daripada lapan negara ASEAN iaitu Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Thailand, Filipina dan Vietnam, sekali gus mengukuhkan peranan Malaysia sebagai tuan rumah dalam memperkasakan kerjasama serantau industri rel.

RAC SANTUNI KOMUNITI ORANG ASLI DI PAHANG

RAC meneruskan komitmen tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyantuni komuniti Orang Asli di Kampung Tabong dan Kampung Dedari di Taman Negara Pahang, melalui penyerahan sumbangan keperluan asas kepada 25 keluarga di kampung tersebut.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad kepada Tok Batin kedua-dua kampung sebagai tanda keprihatinan terhadap kesejahteraan masyarakat setempat.

Program CSR ini turut diadakan bersempena aktiviti Team Building RAC yang bukan sahaja mengukuhkan hubungan warga kerja, malah menyemarakkan semangat kebersamaan dan kepedulian sosial.

Dengan pelaksanaan inisiatif ini, RAC terus menunjukkan komitmen menyokong agenda pembangunan sosial inklusif selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.









Mulai 1 Ogos 2025, RAC beroperasi di alamat baharu iaitu:

📍 **29-1, Sentral RAC, No.16 Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur**

Untuk pertanyaan, hubungi kami di:

📞 **03-7459 0200** | 📠 **03-7459 0222**
✉️ **pro@rac.gov.my / info@rac.gov.my**